

Newspaper	Berita Harian
Date	18 December 2015



Najib dan Ali bergambar bersama ahli KOPROJAYA selepas Majlis Ramah Mesra Minum Petang bersama Perdana Menteri di Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

(FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH)

BH- 18/12/2015

## Koperasi jadi pemacu ekonomi setempat

**Putrajaya:** Datuk Seri Najib Razak mahu gerakan koperasi terutama kendalian orang muda mampu menjadi pemangkin penjana aktiviti ekonomi dan kekayaan golongan terbabit.

Perdana Menteri berkata, koperasi juga mampu membantu memacu ekonomi setempat serta usaha menambah nilai ekonomi negara.

"Koperasi juga menjadi satu pentas mempertajam serta membangunkan kebolehan ahh terutama pegawai muda dalam perkhidmatan awam untuk memperlihatkan bakat mereka memimpin koperasi.

### Pengalaman berguna

"Kejayaan seperti ini akan tentu memperkayakan pengalaman yang pastinya berguna

untuk pembangunan kejaya masing-masing, termasuk untuk menyandang jawatan lebih kanan dalam perkhidmatan awam," katanya.

## Bukti kejayaan pendidikan

**Kuala Lumpur:** Dua guru Malaysia yang dicalonkan dalam senarai 50 guru terbaik seluruh dunia adalah bukti kejayaan bidang pendidikan negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, beliau mendoakan kejayaan dua guru itu yang kini menjadi ikon kebanggaan Malaysia.

"Saya doakan kejayaan Cikgu Noorjahan Sultan dari Sekolah Kebangsaan Indera

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Minum Petang bersama Ahh Koperasi Profesional Putrajaya Berhad (KOPROJAYA) di sini, semalam.

Mahkota Utama, Kuantan dan Cikgu K Vanesri Kasi dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Jalan Khahdi, Muar," katanya menerusi Facebook behau, semalam.

Guru prasekolah, Nooijahan, 44, dan Vanesri, 25, adalah dua daripada 8,000 guru dari 150 negara yang dicalonkan ke peringkat akhir Anugerah Hadiah Guru Global 2016 yang berlangsung di Dubai pada Mac tahun depan.

YA) di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara yang juga Penasihat KOPROJAYA, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan Pengerusi KOPROJAYA, Muhammad Ammir Haron.

Seramai 55 ahh KOPROJAYA menerima surat penghargaan atas komitmen tinggi dalam membantu aktiviti koperasi secara sukarela. Sejak ditubuhkan pada 14 Januari 2013, KOPROJAYA kini dianggotai 509 penjawat awam muda dari pelbagai agensi dan kementerian.

Najib berkata, koperasi juga boleh menjadi gerakan menambah sumber ekonomi sambil menjaga kebajikan anggotanya.